

## **Kewajipan Cukai Seorang Penjaja**

Panduan ini adalah untuk membantu anda membuat laporan pendapatan perniagaan di dalam borang cukai pendapatan anda. Sebagai seorang pekerja sendiri, anda wajib :

- (a) Menyimpan rekod dan akaun perniagaan anda dengan lengkap dan sempurna untuk 5 tahun.
- (b) Melengkapi dan menghantar masuk borang cukai pendapatan anda, dan membayar jumlah cukai yang dikenakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh Notis Taksiran.
- (c) Membuat sumbangan Medisave yang wajib.

## **Menyimpan Catatan Rekod dan Akaun dengan sempurna**

### **1. Rekod perniagaan apakah yang mesti saya simpan?**

Untuk tujuan cukai pendapatan, anda dikehendaki menyimpan rekod dan akaun transaksi perniagaan anda dengan sempurna untuk 5 tahun mulai 1 Jan 2007. Set akaun dan rekod-rekod lain mesti dilampiri dokumen-dokumen lengkap seperti invois, resit, baucer bayaran dan kenyataan-kenyataan.

Ini adalah supaya kami boleh menentukan jumlah pendapatan dan perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan. Rekod-rekod ini tidak perlu dihantarkan kepada kami kecuali jika ia diminta khas untuk pengesahan. Rekod-rekod yang tidak sempurna atau jumlah yang berdasarkan anggaran tidak akan diterima untuk kiraan cukai.

### **2. Bagaimanakah rekod-rekod saya harus disimpan?**

#### **2.1 Jualan**

Untuk memastikan bahawa catatan jualan anda lengkap dan tepat, simpankan dengan rapi:

- (a) Pita mesin daftar wang tunai; dan/atau
- (b) Buku catatan jualan harian

#### **Pita Mesin Daftar Wang Tunai**

Gunakan mesin daftar wang tunai yang mempunyai pita bercetak untuk mencatatkan semua jualan tunai anda. Pastikan bahawa semua jualan bayaran tunai dimasukkan ke dalam mesin daftar ini dan pita cetak ini disimpan sebagai sumber dokumen.

Pada akhir hari, catatkan semua jumlah resit yang ada dalam sebuah buku wang tunai. Jika angka pada pita cetakan dan rekod tidak sama, tuliskan keterangannya dan lampirkan sekali dengan pita tersebut itu.

## **Buku Catatan Jualan Harian**

Jika tidak mempunyai mesin daftar wang tunai, anda harus menyimpan sebuah buku jualan untuk mencatat semua jualan setiap hari anda. Lihat contoh Catatan Jualan Kasar Harian di Lampiran 1.

Jika wang yang diterima dari jualan digunakan untuk membayar barangan atau untuk membiayai perbelanjaan kedai, catatkan jumlah yang digunakan ini dan ambil kira jumlah ini semasa mengira jumlah jualan bersih. Sila ambil perhatian bahawa jumlah wang kasar dari jualan mesti dilaporkan dalam borang cukai pendapatan sebagai perolehan.

### **2.2 Sewaan Kedai**

Jika anda menyewa keluar kedai sewaan anda, pendapatan dari sewaan itu mesti diambil kira sebagai sebahagian perolehan anda. Anda mesti sediakan satu perjanjian yang menyatakan jangka masa sewaan dan jumlah sewa yang telah disetujui. Perjanjian ini harus ditandatangani oleh anda dan orang yang anda sewakan keluar sebahagian kedai anda.

### **2.3 Pembelian dan Lain-lain Perbelanjaan**

Anda harus menyimpan dokumen dan rekod-rekod dengan sempurna, umpamanya, inois, baucer, resit dan lain-lain dokumen bagi kesemua pembelian untuk tujuan berniaga dan juga lain-lain perbelanjaan. Contohnya:

<b>Perbelanjaan Berniaga yang dibenarkan</b>	<b>Jenis-jenis Rekod</b>
Sewa yang dibayar untuk kedai	Perjanjian sewa dengan pemilik kedai atau surat NEA dan penyata-penyata bank jika dibayar melalui potongan GIRO
Cukai harta benda untuk kedai	Bil-bil cukai harta benda
Bunga gadai janji untuk kedai	Penyata Bank
Utiliti	Bil-bil Singapore Power Supply
Bayaran telefon untuk berniaga	Bil-bil dari pembekal servis internet (umpamanya, SingTel, M1, Starhub)
Bayaran penghantaran dan pengangkutan	Resit teksi atau bil-bil diesel
Gaji & upah bagi penolong/pembantu/pencuci	Baucer bayaran atau jadual gaji & Upah. Lihat contoh Catatan Gaji & Upah Bulanan di Lampiran 2.
Sumbangan CPF majikan yang wajib dibayar untuk penolong/pembantu/pencuci	Penyata CPF
Elaun modal untuk belian aset tetap bagi penggunaan berniaga	Inois atau resit belian aset tetap

Secara ringkas, anda boleh menyediakan satu catatan perbelanjaan perniagaan yang tercantum. Lihat contoh Catatan Perbelanjaan Perniagaan Bulanan di Lampiran 3.

Jika sesuatu resit tidak menghuraikan barangan atau servis yang dibeli, anda mesti memberi penjelasan transaksi itu di atas resit tersebut. Jika pembekal tidak memberikan apa-apa resit, catat nama pembekal atau pembekal servis, tarikh, penjelasan barangan atau servis dan jumlah yang dibayar ke dalam satu buku catatan. Lihat contoh Catatan Kos Ramuan Bulanan di Lampiran 4.

## **2.4 Akaun Bank**

Anda harus menyimpan akaun-akaun bank yang berlainan untuk tujuan perniagaan dan kegunaan peribadi, di mana akaun bank perniagaan harus digunakan untuk transaksi perniagaan sahaja. Simpankan penyata-penyata bank atau buku akaun peribadi bank anda dengan baik.

### **3. Bagaimanakah rekod-rekod yang disimpan ini digunakan?**

Pada akhir setiap tahun, anda boleh gunakan rekod perniagaan ini untuk menyediakan penyata akaun anda.

### **4. Apakah dia penyata akaun yang sah?**

Penyata akaun yang sah adalah Penyata Untung Rugi dan Kertas Kunci Kira-Kira yang ditandatangani anda dan dinyatakan bahawa akaun-akaun ini adalah benar dan betul.

Penyata Untung Rugi menunjukkan hasil perniagaan bagi sesuatu tahun. Jika jumlah perolehan melebihi jumlah perbelanjaan, hasilnya dikenali sebagai untung bersih. Jika jumlah perbelanjaan melebihi jumlah perolehan, hasilnya dikenali sebagai rugi bersih. Lihat contoh penyata akaun.

Sesetengah perbelanjaan perniagaan yang digunakan tidak boleh dipotong bagi tujuan taksiran. Semasa melengkap borang cukai pendapatan, pastikan bahawa hanya perbelanjaan yang boleh dipotong sahaja dituntut. Sila rujuk kepada bahagian berikutnya tentang Mengisi Borang Cukai Pendapatan untuk maklumat lebih lanjut.

Kertas Kunci Kira-Kira menunjukkan aset, hutang dan wang yang telah dilabur untuk perniagaan anda pada akhir sesuatu tahun.

Anda boleh mengupah seorang pakar akaun untuk menyediakan penyata akaun yang sempurna untuk anda.

## Mengisi Borang Cukai Pendapatan

### **1. Saya baru sahaja mulakan bisnes menjaja saya. Perlukah saya memberitahu IRAS tentang bisnes baru saya ini?**

Anda tidak perlu memaklumkan IRAS sebaik sahaja anda mulakan bisnes anda. Borang Cukai Pendapatan (Borang B atau B1) akan dihantar kepada anda pada awal tahun hadapan, biasanya sebelum 15hb Mac, untuk anda membuat laporan pendapatan anda.

Walaupun, jika anda masih belum lagi menerima borang cukai pendapatan ini pada 15hb Mac setiap tahun, anda boleh muat turunkan "Registration Form for New Individual Taxpayer" dari laman kami, isikannya dan kembalikannya kepada kami dengan faks atau e-mel.

### **2. Bilakah pendapatan berniaga saya dikenakan cukai?**

Pendapatan yang anda perolehi pada sesuatu tahun akan dikenakan cukai pada tahun berikutnya. Umpamanya, pendapatan anda untuk tahun 2007 akan hanya difaksirkan cukai dalam tahun 2008, iaitu Tahun Taksiran 2008.

Jangkamasa pengiraan keuntungan dan kerugian perniagaan anda adalah dari tarikh mula perniagaan hingga ke 31 Dis tahun itu. Laporan berikutnya adalah dari 1hb Jan hingga 31 Disember setiap tahun.

### **3. Di manakah harus saya laporkan pendapatan perniagaan saya?**

Sebagai pekerja sendiri, pendapatan perniagaan anda dianggap sebagai sebahagian dari jumlah pendapatan yang anda perolehi secara persendirian dan ianya dikenakan cukai pada kadar cukai pendapatan persendirian.

Bagi perniagaan pemilikan tunggal, anda harus laporkan pendapatan perniagaan anda dalam borang cukai pendapatan persendirian (Borang B) di bawah "Pemilikan Tunggal" di bahagian "Perdagangan, Perniagaan, Kekaryawan atau Kejuruan".

Untuk perniagaan perkongsian, rakan kongsi yang utama dikehendaki melaporkan pendapatan perkongsian dalam Borang P. Sebagai seorang rakan kongsi, anda juga harus laporkan bahagian pendapatan daripada perkongsian anda dalam borang cukai pendapatan individu (Borang B) di bawah "Perkongsian" di bahagian "Perdagangan, Perniagaan, Kekaryawan atau Kejuruan".

Bahagian pendapatan daripada perkongsian anda ialah jumlah untung/rugi terbahagi, gaji, CPF, faedah, sewaan dan lain-lain pendapatan di Singapura yang diraih dari perniagaan perkongsian ini.

#### **4. Bagaimanakah harus saya laporkan pendapatan perniagaan saya?**

Anda dikehendaki melaporkan pendapatan perniagaan pemilikan tunggal/perkongsian anda dalam satu kenyataan ringkas 4-baris seperti berikut:

Pusing Ganti (Jumlah Jualan/Pendapatan/Wang yang diterima)  
Untung/Rugi Kasar  
Perbelanjaan Berniaga yang dibenarkan  
Untung/Rugi dilaraskan

Jika pusing ganti dari pemilikan tunggal adalah kurang daripada \$100,000, anda hanya perlu menghantar masuk satu kenyataan ringkas 2-baris, iaitu pusing ganti dan untung/rugi yang dilaraskan.

##### **4.1 Pusing Ganti**

Pusing Ganti adalah jumlah kesemua wang yang diterima dalam perniagaan anda sebelum dipotong perbelanjaan berniaga. Pusing ganti termasuk:

- Wang yang diterima dari jualan barangan
- Wang sewa yang diterima dari sewaan kedai

Jika pusing ganti perniagaan anda berjumlah \$500,000 atau lebih, anda dikehendaki menghantar masuk satu Kenyataan Akaun yang disahkan bersama-sama borang cukai pendapatan individu anda.

Jika pusing ganti perniagaan anda adalah kurang daripada \$500,000, anda tidak diperlukan hantarkan masuk Kenyataan Akaun yang sah, tetapi ianya juga mesti disediakan.

Anda dikehendaki menyimpan rekod transaksi perniagaan dengan sempurna tanpa mengambil kira pusing ganti yang diraih. Jika diminta, anda akan dikehendaki menghantar masuk rekod-rekod ini kepada pejabat kami.

##### **4.2 Untung/Rugi Kasar**

Untung/rugi kasar adalah jumlah pusing ganti selepas dipotong kos barangan yang telah dijual. Umpamanya, kos barangan jualan seseorang penjual mi goreng adalah harga mi dan ramuan-ramuannya yang lain.

##### **4.3 Perbelanjaan Perniagaan yang dibenarkan**

Perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan termasuklah perbelanjaan dan elaun modal yang digunakan sepenuhnya dan khasnya untuk menghasilkan pendapatan. Contoh-contoh perbelanjaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan adalah seperti berikut:

Perbelanjaan Berniaga yang dibenarkan	Perbelanjaan Berniaga yang tidak dibenarkan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewa yang dibayar untuk kedai</li> <li>• Cukai harta benda untuk kedai</li> <li>• Bunga gadai janji untuk kedai</li> <li>• Utiliti (umpamanya elektrik, air &amp; gas)</li> <li>• Bayaran telefon perniagaan</li> <li>• Bayaran konservansi</li> <li>• Bayaran buangan sampah menjaja</li> <li>• Bahan membungkus</li> <li>• Bayaran penghantaran dan pengangkutan</li> <li>• Gaji &amp; bonus untuk penolong/pembantu/pencuci</li> <li>• Sumbangan CPF majikan yang wajib dibayar untuk penolong/pembantu/pencuci</li> <li>• Penjagaan kenderaan seperti pickup, van, lori</li> <li>• Elaun modal bagi aset tetap yang dibeli untuk berniaga</li> <li>• Memperbaiki dan menjaga aset yang digunakan dalam perniagaan</li> <li>• Bayaran mengupah jurukira</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gaji, bonus dan Medisave/sumbangan CPF anda</li> <li>• Bayaran perubatan, cukai pendapatan, insurans dan wang derma anda sendiri</li> <li>• Perbelanjaan makanan dan kegunaan rumah</li> <li>• Perbelanjaan hiburan untuk ahli-ahli keluarga dan kawan-kawan</li> <li>• Bunga pinjaman yang diambil untuk kegunaan diri</li> <li>• Perbelanjaan mula berniaga seperti bayaran lesen, pendaftaran, papan tanda</li> <li>• Kos menyelenggara kereta privet (piring kereta E atau S)</li> <li>• Kos ulang alik dari rumah anda</li> <li>• Kos belian aset tetap</li> <li>• Kejatuhan nilai</li> <li>• Denda dan hukuman langgar undang-undang</li> </ul>

#### **4.4 Untung/Rugi dilaraskan**

Untung/Rugi dilaraskan adalah jumlah untung/rugi kasar dipotong perbelanjaan berniaga yang dibenarkan dan apa-apa elaun modal yang telah dituntut.

#### **5. Apakah elaun modal?**

Anda mungkin harus beli harta tetap seperti peralatan, peti sejuk dan kenderaan untuk menjalankan perniagaan anda. Jumlah wang yang diguna untuk pembelian harta tetap ini bersifat modal, dan oleh kerana ini, anda tidak dibenarkan menuntut kos-kos ini sebagai perbelanjaan. Walaupun demikian, anda boleh menuntut elaun modal.

Elaun modal adalah perbelanjaan yang dipotong untuk kehausan dan lusuhnya harta tetap yang telah dibeli untuk kegunaan berniaga.

## 6. Bagaimanakah elaun modal ini dikira?

### 6.1 Hapuskira Satu Tahun

Kos penuh sesebuah harta tetap akan dituntut sebagai elaun modal dalam satu tahun. Cara ini boleh digunakan untuk komputer, mesin faks, lain-lain peralatan berjentera dan harta tetap yang tidak melebihi \$1,000 kosnya setiap satu barang. Tuntutan hapuskira satu tahun untuk semua harta tetap ini tidak boleh melebihi \$30,000 untuk setiap satu tahun taksiran.

### 6.2 Hapuskira Tiga Tahun

Kos penuh sesebuah harta tetap dituntut sebagai elaun modal dalam jangka masa tiga tahun. Biasanya, kebanyakan aset tetap yang dibeli boleh menggunakan pengiraan hapuskira tiga tahun ini (kecuali kereta, motosikal & kenderaan muatan ringan).

### 6.3 Hapuskira Selanjutan Kebergunaan Aset

Cara ini digunakan untuk kenderaan seperti motosikal, van, pickup, lori kecil dan lori. Kos kereta persendirian tidak boleh diambil kira sebagai elaun modal.

Pada tahun belian, anda boleh menuntut elaun permulaan sebanyak 20% daripada kos harta tetap itu. Untuk tahun-tahun berikutnya, anda boleh menuntut elaun tahunan, dikira dengan membahagikan 80% daripada kosnya dengan bilangan tahun selanjutan kebergunaan aset itu.

Aset	Selanjutan Kebergunaan (bilangan tahun)
Lori, Lori kecil, Van	6
Motosikal dan Basikal	8

## 7. Apakah akan terjadi jika saya mengalami kerugian perniagaan?

Jika anda mengalami kerugian perniagaan selepas dipotong jumlah perbelanjaan yang dibenarkan, kerugian perniagaan ini, bersama-sama sebarang apa elaun modal yang boleh dituntut, boleh diimbangi dengan lain-lain pendapatan anda seperti pekerjaan, bunga, dividen dan sewa untuk tahun yang sama.

Jika pendapatan lain anda tidak mencukupi untuk mengimbangi kerugian perniagaan, anda boleh membawa baki kerugian perniagaan dan elaun modal yang boleh dituntut ini ke tahun hadapan untuk diimbangi dengan pendapatan yang diraih dalam tahun itu.

Walaupun bagaimanapun, jika perniagaan anda tidak lagi beroperasi, anda hanya boleh membawa baki kerugian perniagaan ke tahun hadapan, tetapi bukannya baki elaun modal anda.

## Sumbangan Medisave

### 1. Perlukah saya menyumbang untuk Medisave?

Sumbangan Medisave adalah wajib untuk semua warganegara Singapura yang bekerja sendiri atau pun mereka yang bermastautin tetap di Singapura. Jika pendapatan perniagaan bersih anda melebihi \$6,000 setahun, anda dikehendaki menyumbang untuk Medisave, dan ini dikira mengikut peratusan pendapatan perniagaan bersih anda, tertakluk kepada satu jumlah maksimum.

Pendapatan berniaga bersih adalah pendapatan berniaga kasar ditolak perbelanjaan berniaga yang dibenarkan, elaun modal dan kerugian berniaga yang ditentukan oleh IRAS.

IRAS akan menghantar kepada anda Notis Kiraan (NOC) selepas menaksirkan pendapatan sebenar anda untuk Taksiran Tahun tersebut untuk memaklumkan kepada anda, jumlah Medisave yang anda perlu sumbangkan ke Central Provident Fund (CPF). Anda boleh menghubungi Lembaga CPF untuk urusan bayaran Medisave.

### 2. Bolehkah saya menuntut pelepasan Provident Fund bagi sumbangan Medisave dan CPF sukarela yang telah saya lakukan?

Sebagai pekerja sendiri, anda boleh buat tuntutan pelapasan cukai bagi sumbangan CPF yang wajib dibayar dan secara sukarela untuk jumlah sehingga kadar sumbangan CPF mandatori (34.5% bagi Tahun Taksiran 2008) bagi pendapatan berniaga bersih anda yang telah di taksirkan, atau jumlah maksimum pelepasan CPF bagi tahun tersebut (\$26,393 bagi Tahun Taksiran 2008), yang mana lebih rendah.

Untuk kadar dan jumlah maksimum pelepasan CPF bagi tahun-tahun Taksiran berikutan, sila rujuk kepada lelaman IRAS.

Kami akan berikan pelepasan Provident Fund ini mengikut tarikh anda membuat sumbangan ke dalam akaun CPF anda. Umpamanya, jika anda ingin menuntut pelepasan CPF untuk Tahun Taksiran 2008, sumbangan CPF anda mestilah dibuat sebelum 31.12.2007.

Kami akan berikan pelepasan Provident Fund ini secara automatik berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Lembaga CPF, walaupun demikian, jumlah yang dibenarkan adalah tertakluk kepada jumlah maksimum yang disebutkan di atas. Anda tidak perlu membuat tuntutan untuknya dalam borang cukai anda.

## Kesalahan dan Hukumannya

**1. Apakah akan terjadi jika saya tidak simpan rekod-rekod saya dengan sempurna, atau rekod-rekod yang disimpan saya tidak lengkap?**

Jika rekod-rekod tidak disimpan dengan sempurna atau rekod-rekod yang disimpan tidak lengkap, anda boleh dihukum denda tidak melebihi \$1,000, dan jika denda \$1,000 ini tidak dibayar, anda boleh dipenjarakan untuk jangkamasa yang tidak melebihi 6 bulan.

**2. Apakah akan terjadi jika saya tidak menghantar masuk borang taksiran saya?**

Jika borang taksiran anda tidak dihantar masuk, anda boleh dihukum denda tidak melebihi \$1,000, dan jika denda ini tidak dibayar, anda boleh dipenjarakan untuk jangkamasa yang tidak melebihi 6 bulan.

**3. Apakah akan terjadi jika borang taksiran saya mempunyai maklumat yang salah tanpa adanya sebab-sebab yang munasabah?**

Bagi penghantaran masuk borang taksiran yang mempunyai maklumat salah tanpa sebab-sebab yang munasabah, anda boleh dihukum denda sebanyak dua kali ganda jumlah cukai yang kurang dibayar, dan dikenakan bayar denda tidak melebihi \$5,000, atau dipenjarakan untuk jangkamasa yang tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali, didenda dan dipenjarakan.

**4. Apakah akan terjadi jika saya dengan sengaja elak daripada dikenakan cukai atau bantu lain orang elak daripada dikenakan cukai?**

Bagi kes-kes elakan cukai di mana anda dengan sengaja elak daripada dikenakan cukai, atau bantu orang lain elakkannya, anda boleh dihukum denda dengan membayar tiga kali ganda jumlah cukai yang dielak, dan didenda sehingga \$10,000, atau dipenjarakan untuk jangkamasa tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali, didenda dan dipenjarakan.

Untuk kes-kes penipuan elakkan cukai yang berat, dimana anda, dengan sengaja elak daripada dikenakan cukai, atau bantu orang lain elak daripada dikenakan cukai, anda boleh dikenakan denda sebanyak 4 kali ganda jumlah cukai yang dielak, dan didenda sehingga \$50,000, atau dipenjarakan untuk jangkamasa tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali, didenda dan dipenjarakan.